



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



BULETIN **ILKEM** EDISI 2/2022



PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN



"Buletin ini merupakan satu medium penting untuk menyampaikan maklumat pencapaian kepada semua penjawat awam selain menyalurkan info-info berkaitan pengurusan keselamatan perlindungan. Saya berharap penerbitan Buletin ini akan dijadikan satu saluran yang terbaik oleh ILKEM dalam menyalurkan segala maklumat yang bermanfaat kepada para pembaca khususnya penjawat awam."

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga CGSO.

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi atas perkenan dan limpah kurnia-Nya, dapat saya merakamkan untaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Kedua ini.

Sekalung tahniah diucapkan kepada ILKEM di atas kejayaan menerbitkan Buletin ILKEM Edisi Kedua. Buletin ini merupakan wadah penghubung penting untuk mewar-warkan perkembangan dan isu-isu terkini CGSO, khususnya di ILKEM kepada pegawai perkhidmatan awam.

Saya berharap ILKEM akan sentiasa bersedia menggalas tanggungjawab untuk menyuburkan budaya keselamatan dalam bentuk penulisan ilmiah. Penyampaian ilmu kepada semua penjawat awam sama ada dilakukan dalam bentuk secara langsung atau tidak langsung merupakan salah satu objektif penubuhan ILKEM sebagai satu institusi latihan awam.

Harapan saya agar Buletin ILKEM Edisi Kedua ini dijadikan sumber rujukan bagi menambah ilmu pengetahuan mengenai informasi-informasi terkini dari ILKEM dan pelbagai program yang telah dilaksanakan. Pembudayaan ilmu seperti ini penting bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama di kalangan penjawat awam khususnya kakitangan CGSO.

Di samping itu, Buletin ini merupakan satu medium penting untuk menyampaikan maklumat pencapaian kepada semua penjawat awam selain menyalurkan info-info berkaitan pengurusan keselamatan perlindungan. Saya berharap penerbitan Buletin ini akan dijadikan satu saluran yang terbaik oleh ILKEM dalam menyalurkan segala maklumat yang bermanfaat kepada para pembaca khususnya penjawat awam.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi Buletin ILKEM. Saya amat menghargai dedikasi dan kesungguhan sidang redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ILKEM ini merupakan satu kebanggaan kepada CGSO dan mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembangkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan**

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya kerana saya diberi peluang dan kesempatan untuk menyampaikan sepeatah dua kata dalam Buletin ILKEM Edisi Kedua ini.

Saya mengucapkan tahniah atas kejayaan menerbitkan Buletin ILKEM Edisi Kedua. Sesungguhnya, penerbitan Buletin ini amat penting untuk membolehkan perkhidmatan awam mengetahui perkembangan dan isu-isu terkini CGSO, khususnya di ILKEM.

Sebagai sebuah institusi latihan CGSO, ILKEM sentiasa bertanggungjawab untuk menyuburkan budaya keselamatan perlindungan dalam bentuk penulisan ilmiah bagi menyampaikan ilmu kepada semua penjawat awam khususnya sama ada ia dilakukan dalam bentuk secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan Buletin ini diharapkan ianya dapat menjadi sumber rujukan bagi mengetahui pelbagai program yang telah dilaksanakan seterusnya menambah pengetahuan tentang info-info terkini dari ILKEM.

Buletin ILKEM ini juga telah menjadi salah satu medium Jabatan dalam menyampaikan maklumat pencapaian kepada semua warga perkhidmatan awam selain menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan pengurusan keselamatan perlindungan.

Sehubungan itu, saya berharap penghasilan Buletin ini boleh dijadikan satu wadah yang terbaik bagi ILKEM dalam menyampaikan segala maklumat serta informasi yang bermafaat kepada para pembaca.

Akhir sekali, saya amat berbangga dan kagum atas kesungguhan sidang redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan ini dan saya amat menghargai usaha mereka ini.

Sekian,Wassalam.

**Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad
Pengarah ILKEM
CGSO**



SIDANG REDAKSI Buletin ILKEM Bil.2/2022

PENAUNG

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail

PENASIHAT

YBrs. Puan Julaila binti Engan

KETUA PENGARANG

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

PEGAWAI PENYELARAS

Encik Shamsir bin Md Saleh
Puan Harafeah binti Harun
Encik Mohd Fauzi Latif bin Mahfar

PEREKA GRAFIK

Encik Yuhaizan bin Yunus


PERKOMPUTERAN AWAN (CLOUD COMPUTING)

APA ITU PERKOMPUTERAN AWAN?

Pengkomputeran awan adalah merujuk kepada paradigma atau model pengkomputeran yang membolehkan capaian rangkaian kepada himpunan sumber pengkomputeran yang fleksibel dan elastik dengan cara perkongsian sumber bersama, sama ada secara fizikal atau maya dengan keupayaan pembekalan secara layan diri atau pengurusan oleh pihak ketiga mengikut permintaan pengguna.

CIRI-CIRI ASAS PENGKOMPUTERAN AWAN

- a. Permintaan Secara Layan Diri (On Demand Self-Service) Pengguna boleh melakukan semua proses penetapan keperluan pengkomputeran awan yang dikehendaki, contohnya storan, rangkaian, aplikasi tanpa intervensi manusia daripada penyedia perkhidmatan.
- b. Akses Rangkaian Yang Meluas (Broad Network Access) Perkhidmatan yang disediakan dalam rangkaian yang tersedia daripada pelbagai lokasi dan melalui pelbagai peranti sebagai contoh desktop, komputer riba, PDA, telefon pintar dan sebagainya.
- c. Resource Pooling Sumber pengkomputeran dihimpunkan untuk memberi perkhidmatan kepada pelbagai pengguna menggunakan model multi-tenant dengan sumber fizikal dan maya diperuntukkan secara dinamik mengikut permintaan pengguna. Contoh sumber termasuklah storan, pemprosesan, memori dan rangkaian jalur lebar.
- d. Keanjalan Pantas (Rapid Elasticity) Kebolehan skala perkhidmatan ditambah atau dikurangkan secara dinamik mengikut keperluan.
- e. Measured Service Sistem berupaya mengukur (metering) nilai perkhidmatan (kos dan sumber ICT) yang diberikan kepada pengguna yang bersesuaian dengan jenis perkhidmatan (contoh: storan, bandwidth atau jumlah akaun pengguna yang aktif). Pengukuran tahap service-level agreement (SLA) yang ditawarkan cloud service provider (CSP) hendaklah selaras dengan keperluan perkhidmatan teras dan persetujuan pemegang taruh Jabatan



MODEL PELAKSANAAN PENGKOMPUTERAN AWAN

Private Cloud

Infrastruktur awan yang disediakan khusus bagi kegunaan Jabatan.

Public Cloud


Infrastruktur pengkomputeran awan yang disediakan untuk kegunaan awam.

Hybrid Cloud

Infrastruktur pengkomputeran awan yang terdiri daripada dua atau lebih gabungan model pengkomputeran awan (private atau public) yang mewujudkan satu entiti baharu yang terikat antara satu sama lain melalui perjanjian atau kerjasama yang dipersetujui.

KURSUS PENGURUSAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK SIRI 1/2022

Kursus ini diadakan di Auditorium,Blok Akademik Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia pada 16 hingga 17 Mac 2022



TAKLIMAT PENYEDIAAN JURNAL SIRI 1/2022

Taklimat awal tentang Penulisan Jurnal oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia pada 23 Mac 2022 melibatkan pegawai-pegawai gred kp48 ke atas terdiri daripada pengarah-pengarah bahagian, Pengarah-pengarah Negeri dan Kader yang berdekatan.



BULETIN ILKEM BIL. 2/2022

KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 2/2022

Kursus ini diadakan di Auditorium,Blok Akademik Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia pada 30 hingga 31 Mac 2022



KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTARAN RAHSIA , PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT SIRI 2/2022

Kursus ini diadakan di Bilik Tutorial 5, Aras G, Blok Akademik ,Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia pada 30 hingga 31 Mac 2022



KUNJUNGAN HORMAT DARI PENGARAH INSTITUT LATIHAN JABATAN LAUT (MATRAIN) 7 APRIL 2022



TAKLIMAT TENDER PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (ePROTECTIVE SECURITY) UNTUK PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)

Taklimat ini diadakan pada 07 April 2022 bertempat di Auditorium Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia yang diselaraskan oleh Encik Amirul Izatt bin Mat Zain (Seksyen Kewangan).



BULETIN ILKEM BIL. 2/2022

BERLANGSUNG KEMPEN “JOM BACA 10 MINIT” 21 APRIL 2022

Kempen “Jom Baca 10 minit” berlangsung pada 21 April 2022 di Pusat Sumber ILKEM yang melibatkan semua kakitangan ILKEM sendiri. Selain dari itu bersama-sama kempen tersebut adalah kempen Pusat Sumber yang bermula pada 21 Mac 2022 dan tamat pada 21 April 2022.



TAKLIMAT EKSEKUTIF : “RAMADHAN MEMBENTUK SAHSIAH DAN JATI DIRI”

Taklimat Eksekutif disampaikan oleh Ustaz Mohamed Hanafiah Abdul Malek ini telah berlangsung pada 21 April 2022 di Auditorium ILKEM. Pada hari yang sama juga diadakan Majlis Iftar Pejabat KPKK di sini.



BENGKEL PENGURUSAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU GRED KP19 & KP11 PEJABAT KPKK SIRI 1/2022

Bengkel ini telah dijalankan pada 11-13 Mei 2022 di ILKEM dan telah dihadiri oleh 37 orang peserta terdiri daripada Komandan, Timbalan Komandan, Urusetia, Jurulatih dan Fasilitator yang akan terlibat dengan Program Kursus Asas Pegawai Lantikan Baharu



BULETIN ILKEM BIL. 2/2022

KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU GRED KP19 & KP11 PEJABAT KPKK SIRI 1/2022

Kursus ini telah dijalankan pada 18 Mei hingga 04 Jun 2022 di ILKEM dan telah dihadiri oleh 163 orang peserta terdiri daripada 105 orang lelaki & 58 orang wanita.



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU GRED KP19 & KP11 PEJABAT KPKK SIRI 1/2022

Majlis ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan Pengarah-Pengarah Negeri yang berlangsung pada 3 Jun 2022 di ILKEM. Seramai 157 orang peserta telah berjaya menamatkan latihan dengan jayanya.



BULETIN ILKEM BIL. 2/2022

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP 41 DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN

Peperiksaan ini berlangsung pada 16 Jun 2022 di Bilik Tutorial 3, ILKEM. Seramai 12 calon telah hadir untuk menduduki peperiksaan ini.



KURSUS PENYIASATAN & PENGESANAN PENIPUAN MELALUI BAHASA TUBUH (BODY LANGUAGE)

Kursus ini telah diadakan selama tiga hari mulai 15 Jun 2022 hingga 17 Jun 2022 di Bilik Tutorial 6, Aras G, Blok Akademik, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia.



KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

Konvensyen ini telah berlangsung di Dewan Damar Sari, Parcel F, Putrajaya pada 9 Jun 2022 (Khamis) dengan tema “Keselamatan Perlindungan Pemangkin Revolusi Digital Negara” yang telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Mohd Zuki bin Ali. Pada hari yang sama juga berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Keselamatan Perlindungan Tahun 2021 yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri kepada Kementerian, Jabatan, Agensi, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Peringkat Persekutuan dan Negeri yang telah mencapai penarafan lima bintang.



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

Persiaran Timur 3
Bandar Enstek
71760 Bandar Baru Enstek
Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-799 3301
No. Faksimili : 06-799 4667

www.cgso.gov.my